

UCAPAN KONTROVERSI “ANTI-SEMITIK,”2003: PENDIRIAN SEBENAR TUN DR MAHATHIR

Aszlan Selamat*

Shakila Yacob

*Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

Abstrak

Sekitar bulan Oktober 2003, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir telah menyampaikan ucapan pembukaan sempena Persidangan OIC yang diadakan di Kuala Lumpur. Ucapan Tun Dr Mahathir menjadi kontroversi selepas media membuat liputan dan mendakwa ucapan tersebut sebagai anti-Semitic. Ucapan itu menyebabkan wujud dua kelompok dalam kalangan kebanyakan pemimpin negara iaitu yang mengkritik dan menyokong. Dalam kekalutan yang berlaku, pendirian sebenar Tun Dr Mahathir dipersoalkan sama ada beliau merupakan seorang yang anti-Semitic, anti-Yahudi, anti-Israel atau hanya sekadar anti-Zionis. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti pendirian sebenar Tun Dr Mahathir berdasarkan ucapan beliau sama ada benar-benar anti-Semitic seperti mana yang disuarakan oleh kebanyakan pemimpin dan media Barat. Melalui analisis sejarah, penulisan ini menggunakan data primer dan sekunder yang diperoleh melalui kaedah temu bual, keratan surat khabar, ucapan, majalah, buku dan artikel dalam jurnal. Berdasarkan analisis yang dilakukan, didapati Tun Dr Mahathir bukan seorang yang anti-Semitic dan anti-Yahudi tetapi lebih kepada mengkritik ketidakadilan dan penindasan yang dilakukan oleh orang Yahudi. Ini termasuklah pihak Zionis dan kelompok Yahudi yang berpengaruh di Amerika Syarikat. Tun Dr Mahathir sendiri mengaku beliau mempunyai ramai rakan yang berbangsa Yahudi dan memuji kejayaan bangsa Yahudi yang patut dicontohi oleh umat Islam.

Kata Kunci: Anti-Semitic, Tun Dr Mahathir, Zionis, Yahudi, Israel

* Penulis untuk dihubungi:

aszlanselamat@gmail.com

eISSN 2636-9257 ©Pusat Dialog Peradaban

Abstract

In October 2003, Tun Dr Mahathir presented his opening remarks in conjunction with the OIC Conference held in Kuala Lumpur. The speech became controversial after the media coverage claimed the speech as anti-Semitic. National leaders worldwide split into two camps in response to the speech – they either criticise or support it. Tun Dr Mahathir stance was questioned whether he is an anti-Semitic, anti-Jew, anti-Israel or just anti-Zionist. This article aims to identify Tun Dr Mahathir's true standpoint based on his speech whether he is an anti-Semitic as voiced by most of the western leaders and media. This paper employs the historical analysis approach by using primary and secondary data obtained through interviews, newspaper excerpts, speeches, magazines, books, and journal articles. Based on the analysis, it is concluded that Tun Dr Mahathir was not an anti-Semitic and anti-Jewish, but instead, he was criticising the injustice and oppression act of the Jews. These include Zionist and influential Jewish groups in the United States. This is evidenced by Tun Dr Mahathir admission that he has many Jewish friends and his acknowledgement of the Jewish people accomplishment that could be a source of emulation by Muslims.

Keywords: Anti-Semitic, Tun Dr Mahathir, Zionist, Jews, Israel

Pengenalan

Penulisan ini merupakan usaha untuk mengenalpasti pendirian sebenar Tun Dr Mahathir sama ada beliau merupakan seorang yang anti-semitik, anti-Yahudi, anti-Israel, anti-Zionis atau sebaliknya. Penulisan yang berlandaskan data-data primer dan sekunder ini menggunakan suatu analisis sejarah bersama dengan bukti yang sesuai bertujuan untuk mendedahkan pendirian sebenar Tun Dr Mahathir. Oleh itu, penulisan ini penting kerana mampu mendedahkan pendirian sebenar Tun Dr Mahathir berdasarkan ucapan beliau yang telah menimbulkan konflik dan perdebatan dalam kalangan pemimpin dunia khususnya di negara Barat dan negara Islam. Isu anti-Semitic juga menjadi isu yang penuh kontroversi di seluruh dunia sehingga hari ini terutama merujuk

kepada definisi yang tepat mengenai istilah anti-Semitic. Tun Dr Mahathir kini menjadi Perdana Menteri Malaysia untuk penggal kedua dan sekali lagi perkara ini membuka ruang untuk memahami “pegangan” Tun Dr Mahathir merujuk isu ini. Selain itu, penulisan ini juga diharap mampu merungkai kekalutan dalam kalangan pemegang taruh termasuk ahli akademik, penyelidik, media dan pihak-pihak tertentu yang keliru dengan pendirian sebenar Tun Dr Mahathir.

Kebanyakan literatur sedia ada oleh pelbagai pihak dan individu, dalam negara dan luar negara, membuat kesimpulan bahawa Tun Dr Mahathir merupakan seorang yang anti-Semitic, anti-Yahudi dan anti-Zionis (Plate, 2011; Avnery, 2004; Asghar, 2004; Gerstenfeld, 2003; Hollander, 2003). Walaupun ada penulisan yang menggambarkan Tun Dr Mahathir bukan seorang yang anti-Semitic, tetapi penulisan tersebut masih gagal menjelaskan pendirian sebenar Tun Dr Mahathir (Siddiqui, 2004).

Tambahan pula, analisis yang dibuat oleh rata-rata ahli sarjana, ahli politik dan pengamal media adalah berdasarkan retorik bahasa yang digunakan oleh Tun Dr Mahathir apabila menyatakan Yahudi mentadbir dunia melalui proksi dan umat Islam tidak boleh dikalahkan oleh Yahudi walaupun jumlah mereka jauh lebih kecil berbanding umat Islam. Walau bagaimanapun, di sebalik kesimpulan yang dibuat mengenai pendirian sebenar Tun Dr Mahathir tersebut, telah mencetuskan persoalan, apakah ucapan yang didakwa anti-Semitic itu menggambarkan pendirian sebenar Tun Dr Mahathir?

Anti-Semitic, Anti-Yahudi, Anti-Israel dan Anti-Zionis

Menurut *Kamus Oxford*, anti-Semitic merujuk kepada perbuatan rasis, prejudis dan diskriminasi yang ditujukan khas terhadap bangsa Yahudi. Individu atau kumpulan yang disifatkan sebagai anti-Semitic dikenali sebagai anti-Semit. Terma anti-Semitic tidak lagi digunakan selepas Perang Dunia Kedua. Istilah anti-semitik ini telah diperkenalkan oleh seorang jurnalis Jerman pada tahun 1879 iaitu Wilhelm Marr (1879) dalam risalah bertajuk *The Victory of Judaism over Germanism (Der Sieg des Judenthums über das Germanenthum)*. Risalah tersebut bertujuan untuk mengkritik budaya Yahudi yang dipercayai telah mempengaruhi dan meresap

masuk ke dalam budaya bangsa Jerman. Oleh itu, rakyat Jerman disarankan agar memisahkan pengaruh budaya Yahudi ke atas budaya bangsa Jerman seperti yang dinyatakan dalam risalah kedua bertajuk *The way to Victory of the Germanic Spirit over the Jewish Spirit (Der Weg zum Siege des Germanenthums über das Judenthum)* pada tahun 1880 (Rohringer, 2009: 7).

Penerbitan ini mendapat sambutan hebat dalam kalangan rakyat Jerman sehingga membawa kepada penubuhan Liga anti-Semitic (*Antisemiten-Liga*) di Jerman. Liga ini ditubuhkan untuk menjaga, melindungi, dan memastikan supaya budaya asal bangsa Jerman tidak dipengaruhi dan diancam oleh budaya Yahudi. Penubuhan liga ini juga telah menyebabkan ramai orang Yahudi diusir keluar dari Jerman (Rohringer, 2009: 7-46). Seiring dengan peredaran zaman, sikap benci terhadap bangsa Yahudi semakin menonjol melalui pengubalan undang-undang, iaitu melalui akta anti-Semitic yang diperkenalkan oleh Adolf Hitler sekitar tahun 1930-an. Akta ini telah menyebabkan berlakunya peristiwa pembunuhan beramai-ramai orang Yahudi yang didakwa melebihi 6 juta orang di Jerman. Peristiwa ini dikenali sebagai *Holocaust* (William, 2003: 1-3).

Menurut Alex (1990: 595), perkataan anti-Semitic yang sepatutnya ditujukan kepada bangsa Yahudi telah salah gunakan apabila istilah tersebut merujuk kepada semua orang Semitik. Sememangnya penggunaan istilah anti-Semitic ini telah salah gunakan sejak ia pertama kali diperkenalkan kerana istilah ini merujuk kepada semua orang Semitik dan bukannya bangsa Yahudi sahaja. Hal ini bermakna istilah *Judenhass* (*Jew-hatred*) (Laquer, 2006: 21) yang diterjemahkan dalam bahasa Inggeris yang bermaksud *anti-Semite* (Johnson, 1987:133) adalah kurang tepat untuk menunjukkan kebencian kepada bangsa Yahudi. Sehingga hari ini istilah anti-Semitic telah biasa digunakan untuk merujuk sikap benci terhadap bangsa Yahudi. Sebaliknya, istilah yang sesuai ialah anti-Yahudi. Hal ini kerana, orang Semitik merupakan dalam kalangan mereka yang menuturkan bahasa Semitik. Oleh itu, untuk mengenali rumpun Semitik, perlu dijelaskan berdasarkan kelompok yang menuturkan bahasa Semitik dan kedudukan geografi mereka seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1*Senarai Penutur Bahasa Semitik dan Kedudukan Geografi*

Bahasa	Anggaran Jumlah Penutur	Kedudukan geografi
Arabic	310,000,000	Timur Tengah, Utara Afrika
Amharic	24,000,000	Ethiopia
Tigrinya	7,700,000	Ethiopia, Eritrea
Hebrew	6,000,000	Israel
Tigre	1,150 000	Eritrea, Sudan
Selti	1,050,000	Barat Daya Ethiopia
Modern Syriac	500,000	Iraq, Barat Laut Iran, Geogria
Maltese	400,000	Malta
Soddo	300,000	Barat Daya Ethiopia
Masqan	200,000	Barat Daya Ethiopia
Mehri	120,000	Yemen, Oman, Kuwait
Soqori	60,000	Yemen (Pulau Socotra)
Argobba	45,000	Ethiopia, Eritrea
Harari	26,000	Ethiopia (Harar)
Shehri	25,000	Oman (Dofar)
Zay	4,000	Barat Daya Ethiopia (Tasik Ziway)

Catatan: Orang Semitik bukan sahaja merujuk kepada bangsa Yahudi yang menuturkan bahasa Hebrew, tetapi terdapat lebih daripada 10 bangsa lain yang menuturkan bahasa tersebut. Oleh itu, istilah anti-Semitik tidak lagi relevan digunakan bagi merujuk sikap prejudis, rasis atau diskriminasi terhadap bangsa Yahudi semata-mata. Oleh itu, istilah yang sesuai ialah anti-Yahudi kerana istilah Semitik begitu luas sehingga merangkumi pelbagai bangsa dan kedudukan geografi (Robert, 1997; Owen, 2013).

Justeru itu, istilah anti-Semitik merujuk kepada sikap prejudis, rasis dan diskriminasi kepada orang Semitik yang menuturkan bahasa Semitik yang merangkumi keseluruhan Timur Tengah dan

Utara Afrika. Bagi istilah anti-Yahudi pula, merujuk kepada perbuatan mendiskriminasi, mengkritik dan prejudis terhadap bangsa Yahudi di seluruh dunia termasuklah mereka yang berada di Israel dan ahli kepada parti politik Zionis.

Sebaliknya, anti-Israel merujuk kepada perbuatan mendiskriminasi, mengkritik dan prejudis terhadap bangsa Yahudi yang berstatus warga negara Israel termasuklah ahli parti politik Zionis. Manakala anti-Zionis merupakan perbuatan mendiskriminasi, mengkritik dan prejudis terhadap bangsa Yahudi yang merupakan ahli dalam parti politik Zionis di Israel. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa, apabila seseorang individu bersifat anti-Zionis, Israel dan Yahudi, individu itu tidak boleh dikatakan sebagai anti-Semitic. Sebaliknya apabila individu tersebut bersifat anti-Yahudi, ini termasuk juga anti-Israel dan anti-Zionis. Namun begitu, seseorang itu tidak boleh dianggap sebagai anti-Semitic atau anti-Yahudi jika individu itu bersikap rasis, benci atau mendiskriminasi Israel dan Zionis. Hal ini kerana kerana Israel hanya merujuk kepada negara Israel, manakala Zionis pula merupakan parti politik yang terdapat di Israel sahaja. Bangsa Yahudi pula terdapat diseluruh dunia khususnya di negara Barat seperti Amerika Syarikat dan di Eropah. Sehubungan dengan itu, konsep ini sangat penting dan perlu difahami kerana sering menimbulkan kekeliruan.

Jika disorot berdasarkan kronologi sejarah, kebanyakan perbuatan anti-Yahudi ini berlaku di Eropah. Hal ini kerana, kebanyakan bangsa Eropah yang beragama Kristian percaya bahawa peristiwa pembunuhan Nabi Isa (*Jesus Christ*) dilakukan oleh orang Yahudi atau lebih tepat individu berbangsa Yahudi bernama Judas. Bertitik tolak daripada peristiwa ini, pengikut agama Kristian mula menyebarkan dan menunjukkan kebencian mereka kepada orang Yahudi melalui slogan “*when you see the cross, think of the terrible murder by the Jews on Golgotha*” (Perry & Schweitzer 2002: vii) dan “*Judas betraying Jesus*” (Hellig, 2003: 213). Lantaran wujudnya perasaan benci bangsa Eropah terhadap orang Yahudi, telah berlaku siri pembunuhan beramai-ramai dan tindakan mengusir orang Yahudi yang bertujuan untuk membala dendam terhadap perbuatan mereka kepada Nabi Isa dan perasaan kurang senang mengenai pengaruh budaya Yahudi di negara mereka.

Situasi ini dapat dilihat dalam jadual 2 yang menunjukkan jumlah pembunuhan orang Yahudi di Eropah.

Jadual 2

Jumlah orang Yahudi yang dibunuh oleh orang Eropah

Tahun	Negara	Jumlah yang dibunuh
1143	Russia	Lebih 100,000
1285	Jerman	68
1321	Perancis	5000
1348	Basel	600
1917	Russia	70,000- 250,000
1930-1940	Jerman	Lebih 6 juta
1930-1940	Hungry	200,000
1930-1940	Holland	90,000
1930-1940	Perancis	90,000
1930-1940	Poland	2,800,000
1930-1940	Rom	425,000

Catatan: Lihat Judaism-<http://www.slideshare.net/>; "Antisemitism inHistory:RacialAntisemitism,.1875 1945."<http://www.ushmm.org/>; "The anti-Jewish pogrom in the Khmelnytsky uprising. - The Phora."<http://www.thephora.net/>;<http://www.jewishhistory.org/>; "BloodLibel:AFalse,IncendiaryClaimAgainstJews."AntiDefamationLeague."DerStürmer!"<http://www.holocaustresearchproject.org/>.";<http://www.holocaustresearchproject.org/>.

Ucapan Kontroversi Tun Dr Mahathir yang didakwa anti-Semistik

Pada tahun 2010, Tun Dr Mahathir telah disenaraikan antara individu anti-Semistik oleh *The Simon Weisenthal Centre* (2010). Salah satu kriteria yang menyebabkan Tun Dr Mahathir dianggap sebagai anti-Semistik kerana ucapan pembukaan semasa berlangsungnya Persidangan Kemuncak OIC pada tahun 2003 yang diadakan di Kuala Lumpur. Ucapan pembukaan Tun Dr Mahathir yang disifatkan sebagai anti-Semistik telah mendapat tindak balas

dan reaksi yang berbeza dalam kalangan pemimpin negara Barat, negara Islam dan pihak media. Reaksi yang berbeza ini telah mewujudkan dua golongan, iaitu kumpulan yang menyokong dan mengkritik ucapan tersebut. Isu berkaitan dengan ucapan tersebut menjadi kontroversi selepas media Barat membuat laporan dan menerbitkan beberapa laporan dan artikel mengenai ucapan pembukaan Tun Dr Mahathir. Menurut Plate:

U.S news media in reporting only “newsworthy” aspects of what he said and did. Once the Western media had concluded he was a rank anti-Semite, it chose to report mainly comments and developments about him that confirmed this image as an anti-Semite. The Western media will always help to stir hysteria on this kind of issue.

(Plate, 2011: 196)

Perkara ini jelas kerana pada peringkat awal, pemimpin negara dan media Barat tidak mengambil peduli mengenai persidangan tersebut, tetapi mula bertindak mengkritik selepas media membuat laporan dan menyifatkan ucapan tersebut sebagai anti-Semitic yang juga didakwa mempromosikan kebencian oleh ahli Kongres, AS. Menurut Menteri Penerangan Malaysia:

Media Amerika Syarikat, yang selama ini mendakwa sebagai sumber maklumat yang adil, sepatutnya merasa malu kerana tidak menyiarkan sebarang berita mengenai sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Malaysia walaupun persidangan peringkat pegawai dan menteri luar OIC telah berlangsung selama dua hari. Adalah mengejutkan, kerana media Amerika telah memboikot berita-berita mengenai persidangan OIC yang mewakili 57 buah negara Islam dan 1.3 bilion penduduk Islam. Ini bukti yang jelas tentang dasar sebenar media Amerika di sebalik suara kebebasan dan demokrasi media yang selalu mereka laungkan. Media Amerika takut untuk memberikan gambaran dan realiti sebenarnya tentang persidangan ini.

(*Utusan Malaysia*, 16 Oktober 2003)

Selain itu, kritikan dan tuduhan ke atas Tun Dr Mahathir sebagai anti-Semitic sering dirujuk berdasarkan petikan ucapan berikut:

1.3 billion Muslims cannot be defeated by a few million Jews. There must be a way. And we can only find a way if we stop to think, to assess our weaknesses and our strength, to plan, to strategize and then to counterattack. We are actually very strong. 1.3 billion people cannot be simply wiped out. The Europeans killed six million Jews out of 12 million. But today the Jews rule this world by proxy. They get others to fight and die for them. “We are up against a people who think. They survived 2,000 years of pogroms, not by hitting back but by thinking. They invented and successfully promoted socialism, communism, human rights and democracy so that persecuting them would appear to be wrong, so they may enjoy equal rights with others. With these, they have now gained control of the most powerful countries and they, this tiny community, have become a world power. We cannot fight them through brawn alone. We must use our brains also.” It was yet one more wide-ranging illustration of the anti-Semitic motif that Jews “lust for the domination of the world.

(*The New York Sun*, 22 Oktober 2003)

Walau bagaimanapun, Tun Dr Mahathir menyatakan ucapan beliau telah dilaporkan di luar konteks sebenar oleh media. Menurut Tun Dr Mahathir, “*They picked up one sentence where I said that the Jews control the world*” (*The New York Sun*, 23 Oktober 2003). Petikan ini juga mendapat perhatian pemimpin dan media Barat kerana didakwa ucapan ini menyebarkan kebencian yang boleh merosakan hubungan antara negara Barat dan negara Islam. Menurut Lim Kit Siang, ucapan kontroversi Tun Dr Mahathir telah menyebabkan persidangan OIC ke-10 lebih mendapat liputan meluas oleh pihak media dan perhatian pemimpin Barat berbanding beberapa program penting yang diadakan pada bulan yang sama, seperti berikut:

1. China’s first manned space mission Shenzhou V capsule and taikonaut Yang Liwei’s successful return to Inner Mongolia from a 21-hour flight from outer space.

2. The Silver Jubilee celebrations of Pope John Paul II as pontiff of 1.1 billion Catholics worldwide.

3. The major US diplomatic victory in getting its Iraq resolution passed by the United Nations Security Council by a vote of 15 to 0, which has led Pakistan’s Daily Times to editorialise that “OIC’s resolution calling for a primary role for the UN has fallen by the wayside even before the ink had dried on it.

4. The gathering of leaders for the Asia Pacific Economic Co-operation (APEC) Summit in Bangkok after the OIC Summit (Lim Kit Siang, 17 Oktober 2003).

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, jelas persidangan OIC yang pada awalnya tidak mendapat perhatian media khususnya media AS, tetapi mula mendapat perhatian hasil ucapan Tun Dr Mahathir yang didakwa anti-Semitic. Hal ini terbukti apabila liputan mengenai ucapan tersebut lebih menyerlah berbanding dengan peristiwa lain yang berlangsung di beberapa buah negara.

Pihak yang Menyokong dan Mengkritik Ucapan Tun Dr Mahathir

Di sebalik kritikan yang diberikan oleh pemimpin dan media Barat, telah wujud satu kumpulan yang menyokong Tun Dr Mahathir kerana ucapan tersebut dianggap sebagai buah fikiran Tun Dr Mahathir serta disampaikan berdasarkan fakta sebenar. Pihak yang menyokong dan mengkritik ucapan Tun Dr Mahathir dapat dilihat dalam Jadual 3.

Pihak yang menyokong dan mengkritik ucapan pembukaan Tun Dr Mahathir semasa Persidangan Kemuncak OIC ke-10.

Menyokong	Mengkritik
<p>President of Indonesia, Megawati Sukarnoputri: "That is why there should be more communication between these two sides, to put through the real message of Islam, which is essentially one of tolerance and moderation. We have to put across our own values." (<i>New Straits Times</i>, 18 Oktober 2003)</p>	<p>EU president, Franco Frattini denounced Mahathir's remarks as "gravely offensive and anti-Semitic. Runs strongly counter to the principles of tolerance and dialogue between the West and the Islamic world." (Malaysiakini, 20 Oktober 2003)</p>
<p>Presiden Afghanistan, Hamid Karzai: "Analisis Dr Mahathir mengenai sejarah Islam amat tepat dan betul. Apa yang umat Islam perlu lakukan ialah menghentikan serangan bom berani mati." (Utusan Malaysia, 17 Oktober 2003)</p>	<p>German foreign ministry: "To receive a protest against and condemnation of Mahathir's "absolutely unacceptable" "anti-Jewish" statements." (CNN, 17 Oktober 2003)</p>
<p>Iranian President Mohammad Khatami claimed that accusing Mahathir of being anti-Semitic was "Western propaganda. No Muslim is anti-Semitic. (<i>New Straits Times</i>, 18 Oktober 2003)</p>	<p>Rabbi Abraham Cooper, associate dean of the Simon Wiesenthal Center in Los Angeles, California: "Mahathir's speech today is an absolute invitation for more hate crimes and terrorism against</p>

Jews. That's serious." (CNN, 17 Oktober 2003)

Pakistani President Gen. Pervez Musharraf: "I don't think he called for war against the Jews or anything like that, he expressed his own thoughts but I'm very sure he did not ask Muslims to go to war with anyone. (*New Straits Times*, 18 Oktober 2003)

Australian Prime Minister John Howard condemned the comments. "It is offensive," Mr Howard said on Melbourne radio 3AW Friday. Let me make it clear any invocation of rivalry between Jews and Muslims is very unhelpful. The religions of both groups exhort each other to live together in peace, (and) are opposed to terrorism." (CNN, 17 Oktober 2003)

Menteri Luar Mesir, Ahmed Maher: "Terdapat pihak-pihak tertentu yang akan menyelar sebarang kritikan yang dibuat terhadap Israel dan kerajaannya tanpa memahami isu berkenaan. Saya tahu ada golongan yang bersedia untuk mengutuk apa sahaja. Sebaik sahaja ada kritikan terhadap Israel, walaupun tidak memahami atau mengerti mengenai keseluruhan isu itu."(Utusan Malaysia, 17 Oktober 2003)

Israeli Foreign Ministry spokesman Jonathan Peled: "We deeply regret and reject the statement made by Prime Minister Mahathir, We find it especially discomfiting that, at a time like this, instead of calling for peace and reconciliation among peoples and nations, there are statements fueling further hatred and misunderstanding.

(CNN, 17 Oktober 2003)

President of Somalia, Abdikassim Salad Hassan, stated: "My entourage and I found Dr. Mahathir's speech very straightforward and in-depth. He was not trying to incite hatred or incite the Muslims to go to war against the Jews, but in fact his speech was about unity to face the threats from the Jews." (*New Straits Times*, 18 Oktober 2003)

U.S. State Department spokesman Adam Ereli said: "We view them with the contempt and derision they deserve." (Cortese, 2006: 66)

Menteri Luar Palestin, Farouk Kaddoumi: "Dr. Mahathir hanya bercakap mengenai kebenaran tetapi tidak pernah mengapi-apikan sentimen anti-Yahudi seperti yang didakwa oleh media antarabangsa. Beliau hanya menyatakan kebenaran. (Tuduhan anti-Yahudi) itu adalah satu pembohongan sahaja, kerana mereka menduduki negara kami, membunuh rakyat kami tetapi menuduh kita yang anti-Yahudi serta penganas." (*Utusan Malaysia*, 17 Oktober 2003)

Australian Prime Minister John Howard commented on Mahathir's OIC speech: "Any suggestion from anybody anywhere in the world of dividing the world into Jewish and non-Jewish groupings is historically indefensible and wrong and something that most Australians would regard as quite repugnant." (Cortese, 2006: 66)

Menteri Luar Yemen, Abu Bakar Qurbi: "Beliau

Australian Foreign Minister Alexander Downer

tidak fikir yang ucapan itu anti-Yahudi. Dr Mahathir hanya menyatakan hakikat yang sedang dihadapi oleh dunia Islam dan beliau langsung tidak berhasrat mencetuskan konfrontasi, katanya kepada pemberita pada acara sampingan di luar sidang kemuncak itu di sini. Saya menyokong ucapan beliau 100 peratus... beliau mahu dunia Islam menjalankan tanggungjawab terhadap rakyat mereka," (Utusan Malaysia, 17 Oktober 2003)

Perdana Menteri Kuwait, Sheikh Sabah Al-Ahmad Jaber Al-Sabah: "Kritikan Dr. Mahathir dalam ucapannya itu sebenarnya ditujukan kepada Israel dan bukannya agama Yahudi. Tidak, saya tidak rasa begitu (anti-Yahudi); terhadap Israel ya, tetapi bukan Yahudi. Kami sebagai orang Islam tidak berbuat demikian." (Utusan Malaysia, 17 Oktober 2003)

declared: "We regard anti-Semitism as unacceptable and the Australian government hopes that there won't be further comments of this kind." (Gerstenfeld, 2 November 2003)

Foreign Minister of New Zealand, Phil Goff: "We're concerned about language that brings back memories of so-called Jewish conspiracies." (Gerstenfeld, 2 November 2003)

Dr. Habib Siddiqui:

"I have read Doctor Mahathir's entire speech a couple of times and failed to find signs of anti-Semitism. It is wrong to accuse him of anti-Semitism by quoting a sentence or two out of context from his very long speech." (Asghar, 2004)

Setiausaha Luar Bahrain, Sheikh Muhammad Al-Khalifah:
"Dr. Mahathir cuba menjelaskan keadaan dunia dari sudut pandangannya sebagai seorang Islam. Beliau cuba menerangkan keadaan di dunia sekarang dari kaca matanya sendiri dan saya rasa Malaysia melihat kepada dunia sama seperti pandangan sebahagian besar daripada kita di sidang kemuncak ini, ujarnya. Beliau, tambahnya, sebenarnya cuba mengetengahkan idea-idea baru untuk menjalin kerjasama politik dan ekonomi pada masa depan." (Utusan Malaysia, 17 Oktober 2003)

David Harris, executive director of the American Jewish Committee:

"This kind of language, which attributes to Jews a variety of demonic powers, is reminiscent of the crudest and vilest anti-Semitism in history." (Gerstenfeld, 2 November 2003)

Israeli Foreign Ministry, Minister Natan Sharansky:

"This is the first time since World War II that anti-Semitism in its most primitive and vulgar form constitutes the official agenda of a respected international political forum which, in this instance, is composed of nearly one-third of the world. This occurrence is made possible only because of the indifference and lack of concern demonstrated by the Western world when confronted by blatant anti-Semitism." (Gerstenfeld, 2 November 2003)

Catatan: Kebanyakan pihak yang mengkritik ucapan Tun Dr Mahathir terdiri daripada kalangan pemimpin Barat, Yahudi dan Israel. Hal ini disebabkan mereka tidak membaca secara mendalam mengenai ucapan pembukaan Tun Dr Mahathir dan hanya bergantung kepada kenyataan dalam akhbar yang akhirnya

membuat kesimpulan dan mendakwa Tun Dr Mahathir sebagai anti-Semitic. Manakala pihak yang menyokong ucapan tersebut pula merupakan dalam kalangan mereka yang hadir dalam persidangan kemuncak OIC ke-10 dan memahami isi kandungan ucapan Tun Dr Mahathir. Hal ini jelas setelah Dr. Mahathir selesai menyampaikan ucapan tersebut, beliau mendapat tepukan gemuruh daripada lebih 50 pemimpin negara yang juga merupakan ahli OIC.

Pendirian Sebenar Tun Dr Mahathir

Di sebalik wujudnya dua golongan yang menyokong dan mengkritik ucapan Tun Dr Mahathir, pendirian sebenar Tun Dr Mahathir merupakan persoalan yang masih menjadi perdebatan bukan sahaja dalam kalangan pemimpin Barat, tetapi termasuk ahli akademik. Keadaan ini menimbulkan persoalan sama ada Tun Dr Mahathir seorang yang anti-Semitic, anti-Yahudi, anti-Zionis atau sebaliknya. Berdasarkan analisis dalam temu bual dan kenyataan Tun Dr Mahathir dalam blog peribadi (che-det), temu bual oleh Tom Plate (2011) dan penulisan dalam buku Tun Dr Mahathir sendiri, mendapati bahawa jawapan beliau sebagai seorang yang bukan anti-Semitic adalah konsisten disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, beliau berucap berdasarkan fakta sebenar mengenai bangsa Yahudi. Menurut Tun Dr Mahathir:

Ini merupakan fakta sejarah dan untuk memberitahu saya bahawa saya tidak boleh menyebut fakta sejarah ialah menafikan hak saya terhadap kebebasan berucap. Saya harap, tolong jangan memutar belit dan menyalahafsirkan saya. Hakikatnya apa yang saya nyatakan mengenai Yahudi atau Arab atau Eropah, semuanya berdasarkan fakta. Inilah yang sebenarnya berlaku dan inilah tanggapan saya terhadap perkara itu. Hakikat fakta sejarah bahawa penduduk Palestin diusir dari rumah mereka dan tanah mereka diberikan kepada kaum Yahudi tidak dapat dinafikan oleh sesiapa. Ini ialah fakta sejarah. Adakah kita tidak patut menyebutnya. (Utusan Malaysia, 17 Oktober 2003)

Di samping itu, tumpuan Tun Dr Mahathir menentang kekejaman dan keganasan juga tidak dihiraukan oleh pihak media dan pemimpin Barat. Tun Dr Mahathir menambah:

Dalam perkataan lain saya menentang kekejaman, menentang keganasan, tetapi ucapan saya berkaitan perkara ini tidak diberi perhatian, sebaliknya saya dituduh bersifat anti-Semitic. (Temu bual Tun Dr Mahathir, 23 November 2017)

Walau bagaimanapun, ucapan tersebut telah disalah tafsir apabila Tun Dr Mahathir menyatakan bahawa Yahudi memerintah dunia melalui proksi dan menggunakan pihak lain untuk berperang serta mengorbankan nyawa bagi pihak mereka. Kedua, Tun Dr Mahathir menggunakan hak bersuara untuk menyatakan perasaan tidak puas hati bagi menentang ketidakadilan, penindasan dan keganasan, terutamanya pencerobohan Israel ke atas Palestin. Menurut Tun Dr Mahathir:

It is not being Semitic that is wrong. What is wrong and what draws condemnation is the arrogance, the lack of respect for the lives and rights of others, the blatant seizure of other people's land, the arbitrary imprisonment of people, the misinformation spread by the media they control etc – which are the subject of condemnation. Whoever commits them must be condemned. And it is obvious that it is the Israelis who commit them most. Israeli oppression and injustice towards the Palestinians cannot be disputed even by those who back Israel. I am simply against injustice, against oppression and unmitigated and illegal violence. (Mohamad, 2004)

Berdasarkan kenyataan di atas menunjukkan bahawa Tun Dr Mahathir juga menentang kekejaman dan menentang keganasan yang dilakukan oleh pihak Israel terhadap penduduk di Palestin. Tun Dr Mahathir turut menegaskan dalam ucapan beliau mengenai tindakan saling berbunuhan yang berlaku harus dihentikan. Menurut Tun Dr Mahathir, “Kita perlu berhenti berbunuhan sesama sendiri, kita perlu menghentikan kaum Yahudi daripada membunuh orang Arab, manakala orang Arab berhenti dari membunuh orang Yahudi, kita perlu menghentikan tindakan keganasan” (Mohamad, 2004).

Walau bagaimanapun, ucapan Tun Dr Mahathir berkaitan perkara tersebut tidak diberi perhatian oleh media dan pemimpin Barat.

Ketiga, Tun Dr Mahathir bukan anti-Arab yang merupakan orang Semitik termasuk juga orang Yahudi. Perkara ini jelas seperti yang dinyatakan oleh Tun Dr Mahathir dalam blog beliau, “Sudah tentunya anda menyedari bahawa masyarakat Arab juga orang Semitik, jadi bersikap anti-Semitic bermakna saya menentang Arab dan juga Yahudi,” (Mohamad, 24 Oktober 2010). Keempat, Tun Dr Mahathir juga mempunyai rakan-rakan dalam kalangan orang Yahudi. *I'm not anti-Semitic. I have a lot of Jewish friends, very close friends.* (Plate, 2011)

Ada juga orang-orang Yahudi setengah-tengahnya, mereka adalah rakyat AS yang berbaik-baik dengan saya. Dan di London juga ada satu kumpulan orang Yahudi, salah satu mahzab mereka yang anti-Israel dan saya kenal mereka, tapi saya tidak dedahkan nama-nama mereka kerana tidak mahu mereka menghadapi masalah. (Temu bual Tun Dr Mahathir, 23 November 2017)

Tambahan pula, Tun Dr Mahathir pernah terlibat dalam beberapa program dengan Israel semasa menyandang jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat (1981-2003). “*We have arranged for Israeli children to come to Malaysia to meet Malaysian children, Muslim children here. Malaysia had allowed Israeli cricket team to come here*” (Plate, 2011). Kelima, tindakan kebanyakan negara Barat yang berdiam diri dan tidak mengutuk penindasan Israel ke atas Palestin menyebabkan Tun Dr Mahathir menyimpulkan negara Barat didominasi dan dikawal oleh Yahudi:

Saya bercakap dalam forum negara-negara Islam dan saya sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara Islam, terutamanya terkanan-tekanan terhadap mereka disebabkan Israel dan Eropah dan AS menyokong Israel sehingga ke tahap jika Israel melakukan jenayah antarabangsa pun mereka masih memberi sokongan kepada Israel. Tiada siapa yang akan menegur kuasa-kuasa Barat kerana mereka (negara-negara Islam) takut. Jadi kita bukanlah berani sangat tapi kita ingin menyatakan kebenaran. Kebenarannya ialah segala

rusuhan yang berlaku di Timur Tengah mempunyai asas dengan penubuhan negara Israel. AS menurut kehendak Israel, sebab itu dia... Israel punya foreign policy, Amerika jadi proksi, mengikut... jadi orang AS pun marah kerana dituduh mereka ini bergerak dibawah Yahudi dan saya dituduh kononnya membuat ucapan anti-Semitic. (Temu bual Tun Dr Mahathir, 23 November 2017)

Keenam, ucapan Tun Dr Mahathir juga menyentuh dan mengkritik mengenai sikap umat Islam, negara Barat dan bukannya Yahudi semata-mata. Tun Dr Mahathir bertindak adil dengan memuatkan teguran dan kritikan terhadap para pemimpin Islam.

Saya berlaku sama rata, saya juga mengkritik para pemimpin Islam ini, tetapi setakat ini mereka tidak menyatakan rasa tidak puas hati terhadap ucapan saya itu. Banyak orang yang membuat kenyataan buruk mengenai orang Islam sebagai pengganas, malah ada yang kata Rasulullah s.a.w., nabi kami, sebagai pengganas, tetapi mereka boleh terlepas. Sebaliknya jika kita kata apa-apa juga yang menentang Yahudi, kita dituduh anti-Semitic (jadi) tidakkah kita tidak boleh mengkritik langsung orang Yahudi kalau mereka membuat salah? (Utusan Malaysia, 17 Oktober 2003)

Apabila Tun Mahathir melepas jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2003, beliau telah mengetuai Yayasan Perdana dan mengadakan persidangan keamanan di peringkat antarabangsa pada 15-17 Disember 2005 dengan memperkenalkan, '*The Kuala Lumpur Initiative to Criminalise War.*' (*Straits Times*, 2015) Inisiatif ini bukan semata-mata merujuk kepada Perang Iraq tetapi juga pendudukan Zionis di bumi Palestin. Dua tahun kemudian satu lagi persidangan antarabangsa telah diadakan bertemakan "*Expose War Crimes, Criminalise War*". Persidangan ini seterusnya mengeluarkan satu piagam yang dikenali sebagai *Kuala Lumpur Foundation to Criminalise War* (KLFCW). Daripada usaha ini lahir tiga inisitaif lain iaitu Suruhanjaya Jenayah Perang Keuala Lumpur, Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur dan pasukan undang-undang. Adalah jelas matlamat besar Tun adalah untuk menentang keganasan dan mengalakkan keamanan dunia. Usaha Tun dalam aspek ini berterusan sehingga ke hari ini sebagaimana yang boleh dilihat dalam ucapan Tun di Sesi ke-73

Pertubuhan Bangsa Bersatu di New York pada 28 September 2018 yang sekali lagi menyentuh mengenai keperluan mengesahkan Palestin sebagai sebuah negara merdeka (*Straits Times*, 2018)

Kesimpulan

Berdasarkan analisis yang dilakukan, ternyata pihak media massa memainkan peranan penting sebagai sumber maklumat yang menerbitkan ucapan Tun Dr Mahathir sehingga melabelkan beliau sebagai anti-Semitic. Keadaan ini berlaku disebabkan kebanyakan pihak yang mengkritik dan mendakwa Tun Dr Mahathir sebagai anti-Semitic tidak membaca keseluruhan serta meneliti secara mendalam ucapan Tun Dr Mahathir. Permasalahan ini berlaku apabila pihak media secara selektif memetik beberapa baris ucapan tersebut dan memanipulasikan ucapan tersebut dengan agenda tertentu. Selain itu, peristiwa ini menunjukkan kebergantungan pihak Barat kepada media sehingga menyebabkan mereka mudah terdedah dengan maklumat yang selektif yang akhirnya mencetuskan konflik dengan pemimpin negara Islam yang menghadiri persidangan OIC. Selain itu, keengganannya pihak Barat dan Yahudi menerima penjelasan dan jawapan Tun Dr Mahathir sebagai seorang yang bukan anti-Semitic turut mendorong dan menjadikan isu ini berpanjangan. Implikasi daripada sikap pemimpin dan media Barat yang membesar-besarkan ucapan Tun Dr Mahathir yang bertujuan untuk mempromosikan keamanan akhirnya didakwa sebagai usaha untuk menyebarkan kebencian telah mencalar imej Malaysia secara amnya dan imej Tun Dr Mahathir di pentas dunia.

Pendirian dan kedudukan Tun Dr Mahathir sebagai bukan anti-Semitic dan anti-Yahudi semakin jelas apabila ucapan beliau menumpukan kepada pihak tertentu yang kebetulan berbangsa Yahudi dan terlibat dalam perbuatan menindas, ketidakadilan dan keganasan. Ucapan itu bersifat menyeluruh dan seimbang kerana Tun Dr Mahathir turut menegur sikap pemimpin Islam, pemimpin Barat termasuklah bangsa Yahudi. Pada masa yang sama, Tun Dr Mahathir juga mengalakkan umat Islam supaya belajar daripada

sejarah mengenai kejayaan bangsa Yahudi. Keadaan ini menunjukan bahawa di sebalik kritikan Tun Dr Mahathir terhadap bangsa Yahudi, beliau turut memuji kejayaan bangsa Yahudi yang boleh dijadikan contoh kepada negara atau umat Islam untuk menjadi bangsa yang maju. Walau bagaimanapun, pujian tersebut digelapkan oleh media Barat dan sebaliknya lebih memaparkan kritikan Tun Dr Mahathir ke atas bangsa Yahudi sahaja.

Berdasarkan perbincangan tersebut, dapat disimpulkan Tun Dr Mahathir bukan seorang yang anti-Semitic, sebaliknya beliau antara seorang pemimpin negara yang menentang ketidakadilan, penindasan dan keganasan. Selain itu, pada masa yang sama beliau turut berusaha mencari kaedah untuk menyelesaikan masalah yang wujud, menyokong pembangunan dan mempromosikan keamanan.

Rujukan

Buku

- Alex, B. (1990). *The Jewish Question: Biography of a World Problem*. Fairleigh Dickinson University Press.
- Bennett, P. R. (1998). *Comparative Semitic linguistics: A Manual*. Eisenbrauns. Winona Lake, Indiana: Eisenbrauns.
- Brustein, W. (2003). *Roots of hate: Anti-semitism in Europe before the Holocaust*. Ohio State University: Cambridge University Press.
- Byford, J., & Cortese, A. (2006). *Opposing Hate Speech*. US: Praeger Publishers.
- Hellig, J. (2003). *The Holocaust and Antisemitism: A Short History*. England: Oneworld Publications.
- Hetzron, R. (1997). *The Semitic Languages*. London/New York: Routledge.
- Jonathan, O. (2013). *The Oxford Handbook of Arabic Linguistics*. Oxford University Press.

- Perry, M., & Schweitzer, F. M. (2002). *Antisemitism: Myth and Hate from Antiquity to the Present*. US: Palgrave Macmillan.
- Plate, T. (2011). *Doctor M: Operation Malaysia, Conversation with Mahathir Mohammad*. Singapore: Marshall Cavendish.
- Wilhelm, M. (2009). *The Victory of the Jewish Spirit over the Germanic Spirit. Observed from a non-religious perspective*. Terjemahan oleh Gerhard Rohringer.

Jurnal dalam internet

Gerstenfeld, M. (2 November 2003). *The Mahathir affair: A Case Study*. Jerusalem Center for Public Affairs. Diambil pada 28 April 2017 dari <http://jcpa.org/article/the-mahathir-affair-a-case-study/>

Akhbar

Avnery, U. “Identifying the Virus: Who is anti-Semitic, and who is not.” (28 Januari 2004). New York Times.

CNN. (17 Oktober 2003). “Mahathir attack on Jews condemned date Friday.” Diambil pada 26 April 2017 dari <http://edition.cnn.com>

Hollander, D. “The way to answer anti-Semitism.” (30 Oktober 2003). New Straits Times.

New Straits Times. (18 Oktober 2003). “Leader rally to defend Dr Mahathir.”

New Straits Times. (29 September 2018). Dr M: Want to end terrorism? Recognise Palestine and stop Israeli atrocities. <http://www.nst.com.my>

New Straits Times. (23 April 2015). A dream to criminalise war.
<http://www.nst.com.my>

The New York Sun. (22 Oktober 2003). Anti-Semitism with a Purpose' Diambil pada 26 April 2017 dari <http://www.nysun.com/editorials/anti-semitism-with-a-purpose/77919/>

Utusan Malaysia. (16 Oktober 2003). "Media AS patut malu tidak siar berita sidang OIC."

Utusan Malaysia. (17 Oktober 2003). "Dr M kecam media Barat kerana putar belit ucapannya."

Utusan Malaysia. (17 Oktober 2003). "Kaum Yahudi bukan bangsa terpilih, tak boleh dikritik."

Temu Bual

Temu bual Tun Dr Mahathir Mohamad pada 27 November 2017 di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya.

Laman Sesawang

"Antisemitism in History: Racial Antisemitism, 1875–1945." Diambil pada 10 Mei 2017 dari www.ushmm.org

"Blood Libel: A False, Incendiary .Claim Against Jews". *Anti-Defamation League*. Diambil pada 4 Mei 2017 dari www.holocaustresearchproject.org

"The anti-Jewish pogrom in the Khmelnytsky uprising. The Phora." Diambil pada 26 April 2017 dari www.jewishhistory.org

Asghar, M. (24 Oktober 2004). Dr Mahathir'S Speech: An Analysis. Diambil pada 26 April 2017 dari

<http://www.faithfreedom.org/oped/MohammadAsghar31026.htm>

Judaism. Diambil pada 2 Mei 2017 dari www.slideshare.net

Lim, K. S. (17 Oktober 2003). 10th OIC Summit has been completely overshadowed by other world developments and the international furore over Mahathir’s “inflammatory” anti-Jewish” speech (Media Statement). Diambil pada 20 April 2017 dari www.dapmalaysia.org.

Mahathir Mohammad. (24 Disember 2010). *The Anti-Semitic*. Diambil pada 3 April 2017 dari <http://chedet.cc/?p=489>